



Kuala Lumpur 7 November - Water from the Red Hills Lake is said to turn golden. What is a 'gold' here is the Asian Arowana, which is a rare and expensive fish.

Bukit Merah Lake, built in 1906 specifically for the purpose of irrigation and water supply for the District HQ and soluble, is the oldest man-made lake in Malaysia. Lake covering an area of 2.800 hectares, providing non-contaminated water sources continued. This lake water into the natural habitat for many plant and animal species, including the Golden Arowana Malaysia, one of four special species of Asian Arowana. Arowana breeding project near Bukit Merah Lake in the District HQ, Bangkok has grown from less than 10 entrepreneurs who are working on 300 ponds in 2000 to 70 enterprises involving 143 hectares of land with 3.808 pool in 2010.

Besides Perak, Johor is another major source of production for the Arowana. The value of the dibiakbaka Arowana in both states for the year 2009 is estimated RM48 million (Silver) and RM78 million (Johor). Nearly 95 percent of production is exported. Arowana production itself has been able to boost ornamental fish industry.

Ornamental fish industry in Malaysia recorded an annual growth of 43 per cent since the 2000's, to reach RM783 million in 2009 and is expected to reach RM1 billion in the year 2011 by Arowana grabbing RM250 million of the total. Ornamental fish industry's future is very promising because world demand is expected to increase at a rate of Arowana 2.5 to 4 per cent per annum.

In terms of the ornamental fish export destinations of Malaysia, the main destinations were the EU countries or the European Union led by the United Kingdom, Spain and Italy, followed by the United States and Taiwan, while China became an increasingly important destination.

Government bodies need to keep pace with this development opportunities so as not to drop support Arowana breeding in Malaysia. A right step in this direction is the identification of Agriculture as one of the National Key Economic Areas (NKEA). Sub-marine and aquaculture products under the NKEAs is a seven per cent of the contribution of agriculture to Gross National Income Malaysia in 2009. The potential to raise this figure is certainly due to the emphasis given to the selected sub-sectors with great potential to increase the income of the population and includes breeding Arowana. It is expected that a comprehensive approach will be adopted starting from breeding led to a distribution involving services and logistics support, such as agricultural biotechnology. In addition, the Economic Transformation Program (ETP) will also be shifted from small-scale agriculture to large industrial-scale companies to achieve economies of scale.

We have already seen some of this policy to fruition. For example, cooperation between the Fisheries Department of Malaysia Airlines' cargo service has facilitated the export of ornamental fish from the International Airport. Fish Health Management Centre and Quarantine at the airport is responsible for issuing fish health certificate, certificate of origin and other permits required to import and export of fish. Previously most of the ornamental fish exports from Malaysia via Changi International Airport, Singapore.

Recently, the Companies Commission of Malaysia has given approval to Arowana Breeding Venture Management Scheme (Scheme Venture Arowana Breeding Management), the standard scheme, the first legitimate interests in Malaysia in the field of breeding Arowana This is a step in the right direction. Interest scheme, which enables the investors that participate in the scheme of profit from the sale of children Gold Cross Back Arowana fish (Cross-back Golden Arowana). Such a scheme would attract more investment needed in the industry.

In addition to creating larger pools and more modern technology, the money invested into the scheme could be extended to research on the biology and behavior Arowana breeding aims to improve farming methods used today as well as breeding option to improve the quality and quantity of generation Arowana in the future. Since this scheme was strictly regulated, then each party, including investors, pembiakhaka and the industry as a whole will be of value.

However, to increase the demand for more efforts Arowana can do as organize more trade shows, such as targeted Akuafair pembiakhaka, exporters and importers of ornamental fish. Malaysia must enhance cooperative efforts in research and development (R & D) of the Fisheries Research Institute, universities and the private sector to improve the quality of ornamental fish, including Arowana. Besides that more land should be gazetted for Arowana fish breeding efforts to complete the preparation of their own water supply to avoid competing with the much needed water supply for paddy cultivation.

Competition is fierce. In terms of exports, Malaysia ahead of Singapore and Indonesia. However, like the color of Arowana fish scales, Arowana industry in Malaysia has a very bright future. Malaysia has the advantage of gold worth of water in Bukit Merah and should take advantage of these resources as best as possible.

translate from source Utusan Malaysia Online

Mampu jadi pengeluar dunia

Kuala Lumpur 7 Nov. - Air daripada Tasik Bukit Merah dikatakan mampu menghidupkan emas.

Apa yang dimaksudkan dengan 'emas' di sini adalah Arowana Asia, iaitu sejenis ikan yang nadir dan mahal.

Tasik Bukit Merah, dibina pada tahun 1906 khas untuk tujuan pengairan dan membekalkan air bagi Daerah Kerian dan Larut, merupakan tasik buatan manusia tertua di Malaysia. Tasik yang meliputi kawasan seluas 2,800 hektar ini membekalkan sumber air tak tercemar yang berterusan. Air tasik ini menjadi habitat semula jadi bagi banyak spesies tumbuhan dan haiwan, termasuk Arowana Emas Malaysia, salah satu daripada empat spesies istimewa Arowana Asia. Projek pembiakbakaan Arowana dekat Tasik Bukit Merah dalam Daerah Kerian, Perak telah berkembang daripada tidak sampai 10 usahawan yang mengusahakan 300 kolam pada tahun 2000 menjadi 70 perusahaan yang melibatkan 143 hektar tanah dengan 3,808 kolam pada tahun 2010.

Selain Perak, Johor merupakan satu lagi sumber pengeluaran utama bagi Arowana. Nilai Arowana yang dibiakbaka di kedua-dua negeri tersebut bagi tahun 2009 dianggarkan RM48 juta (Perak) dan RM78 juta (Johor). Hampir 95 peratus daripada hasil pengeluaran dieksport. Pengeluaran Arowana sendiri telah dapat merancakkan industri ikan perhiasan.

Industri ikan perhiasan di Malaysia mencatatkan pertumbuhan tahunan sebanyak 43 peratus sejak tahun 2000-an, mencecah RM783 juta pada tahun 2009 dan dijangka mencapai RM1 bilion pada tahun 2011 dengan Arowana membolot RM250 juta daripada jumlah keseluruhan. Masa depan industri ikan perhiasan sangat memberangsangkan oleh sebab permintaan dunia terhadap Arowana dijangka meningkat pada kadar 2.5 hingga 4 peratus setahun.

Daripada segi destinasi eksport ikan perhiasan Malaysia, destinasi utama adalah negara-negara EU atau Kesatuan Eropah yang didahului oleh United Kingdom, Sepanyol dan Itali diikuti dengan Amerika Syarikat dan Taiwan manakala China menjadi sebuah destinasi yang semakin penting.

Badan-badan Kerajaan perlu bergerak seiring dengan perkembangan ini agar tidak tercicir merebut peluang menyokong usaha pembiakbakaan Arowana di Malaysia. Satu langkah yang betul ke arah ini adalah pengenalan bidang Pertanian sebagai salah satu Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA). Subsektor bagi produk marin dan akuakultur di bawah NKEA merupakan tujuh peratus daripada sumbangan pertanian kepada Pendapatan Negara Kasar Malaysia pada tahun 2009. Potensi untuk meningkatkan lagi angka ini pastinya berpunca daripada tumpuan yang diberi kepada subsektor terpilih yang berpotensi besar untuk menambahkan pendapatan penduduk dan ini termasuk pembiakbakaan Arowana. Adalah dijangkakan pendekatan yang tuntas akan diguna pakai bermula daripada pembiakbakaan membawa kepada pengedaran melibatkan perkhidmatan sokongan seperti bioteknologi dan logistik pertanian. Di samping itu, Program Transformasi Ekonomi (ETP) juga akan beralih daripada pertanian berskala kecil kepada syarikat berskala industri besar untuk mencapai skala ekonomi.

Kita telah pun menyaksikan sesetengah dasar ini membuahkan hasil. Contohnya, kerjasama antara Jabatan Perikanan dengan perkhidmatan kargo Malaysia Airlines telah memudahkan ikan perhiasan dieksport dari Lapangan Terbang Antarabangsa. Pusat Pengurusan Kesihatan Ikan dan Kuarantin di KLIA bertanggungjawab mengeluarkan sijil kesihatan ikan, sijil asal usul dan permit lain yang dikehendaki untuk mengimport dan mengeksport ikan. Sebelum ini sebahagian besar eksport ikan perhiasan dari Malaysia melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Changi, Singapura.

Baru-baru ini Suruhanjaya Syarikat Malaysia telah memberi kelulusan kepada Arowana Venture Breeding Management Scheme (Skim Pengurusan Pembiakbakaan Teroka Arowana), iaitu

skim minat sah-teraf pertama di Malaysia dalam bidang pembiakbakaan Arowana Ini adalah satu langkah yang betul ke arah itu. Skim minat tersebut membolehkan pelabur yang ikut serta dalam skim mendapat keuntungan daripada jualan anak-anak ikan Arowana Emas Kacukan Balik (Golden Cross-back Arowana). Skim seumpama itu akan menarik lebih banyak pelaburan yang diperlukan dalam industri berkenaan.

Selain membina kolam-kolam lebih besar dan menggunakan teknologi yang lebih moden, maka wang yang dilaburkan ke dalam skim itu boleh disalurkan kepada penyelidikan mengenai biologi pembiakbakaan dan tingkah laku Arowana bertujuan menambahbaik kaedah penternakan yang digunakan sekarang serta juga pembiakbakaan pilihan untuk menambahbaik kualiti dan kuantiti generasi Arowana yang akan datang. Oleh sebab skim ini dikawal selia dengan begitu ketat, maka setiap pihak termasuk pelabur, pembiakbaka dan industri secara keseluruhan akan mendapat faedahnya.

Namun begitu, untuk meningkatkan permintaan terhadap Arowana lebih banyak usaha boleh dilakukan seperti menganjurkan lebih banyak pertunjukan perdagangan, contohnya Akuafair yang disasarkan kepada pembiakbaka, pengeksport dan pengimport ikan perhiasan. Malaysia perlu meningkatkan usaha kerjasama dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) antara Institut Penyelidikan Perikanan, universiti dan sektor swasta untuk meningkatkan kualiti ikan perhiasan termasuk Arowana. Selain itu lebih banyak kawasan tanah perlu diwartakan untuk usaha pembiakbakaan ikan Arowana lengkap dengan persediaan bekalan air sendiri untuk mengelakkan dari bersaing dengan bekalan air yang sangat diperlukan untuk penanaman padi.

Persaingan adalah sengit. Dari segi eksport, Singapura dan Indonesia mendahului Malaysia. Namun begitu, seperti juga dengan warna sisik ikan Arowana, industri Arowana di Malaysia mempunyai masa depan yang sangat cerah. Malaysia memiliki kelebihan dari segi air be